

# Kes bunuh warga Indonesia: Suami isteri warga asing direman lanjut



DALAM SIASATAN: Kedua-dua suspek diiringi pihak polis keluar dari Mahkamah Majistret Sibu, semalam untuk ditahan reman lanjut selama tujuh hari.

**SIBU:** Sepasang suami isteri warga asing diperintah ditahan reman lanjut selama tujuh hari oleh Mahkamah Majistret disini, semalam bagi membantu siasatan kes pembunuhan seorang lelaki warga Indonesia, baru-baru ini.

Perintah itu dikeluarkan oleh Majistret Oon Kork Chern setelah mendengar permohonan daripada pegawai penyiasat kes, yang memohon tahanan reman lanjut terhadap kedua-dua suspek yang berusia 30-an.

Pada 24 Jun lepas, kedua-dua suspek telah ditahan reman selama tujuh hari bagi membantu siasatan pihak polis melibatkan kes bunuh seorang lelaki warga Indonesia berumur 30-an.

Kedua-dua suspek juga diperintah dihadapkan semula di mahkamah pada 7 Julai ini.

Berdasarkan laporan media sebelum ini, pihak polis menerima laporan mengenai penemuan mayat seorang lelaki dalam keadaan berlumuran darah di sebuah pondok kebun di Jalan Rantau Panjang, pada jam 5.17 petang 23 Jun lepas.

Mangsa tidak mempunyai sebarang dokumen perjalanan diri yang sah dan disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian.

Susulan laporan itu, polis melancarkan siasatan dan berjaya melakukan tangkapan ke atas sepasang suami isteri warga Indonesia di tepi Jalan Teku-Pasai Siong sekitar jam 9.50 malam.

Kes disiasat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh yang membawa hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.